

Penjawat awam, pemimpin kerajaan perlu seiring tanpa prejedis - CUEPACS

KUALA LUMPUR: Penjawat awam akan sentiasa mendukung aspirasi kerajaan untuk memastikan setiap usaha membantu rakyat yang terjejas akibat pandemik COVID-19 berjalan lancar.

Presiden CUEPACS, Adnan Mat, berkata selaku tulang belakang kepada pentadbiran kerajaan, penjawat awam memainkan peranan penting menggerakkan usaha dan melaksana setiap polisi serta dasar kerajaan.

Katanya, penjawat awam dan kerajaan adalah ibarat aur dengan tebing, yang tidak dapat dipisahkan kerana fokus utamanya adalah membantu rakyat serta menjadi pemudah cara kepada sektor ekonomi.

Penjawat awam dan pemimpin kerajaan haruslah bergerak seiring tanpa prejedis bagi memastikan setiap dasar yang dilaksanakan dapat berjalan dengan lancar demi kebaikan rakyat dan negara.

"CUEPACS juga berharap kerajaan sentiasa memberi kepercayaan yang penuh kepada semua warga penjawat awam kerana setiap tindakan yang dilakukan oleh kami semua adalah untuk negara dan rakyat," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Adnan berkata, sejak berlaku perubahan kerajaan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) pada 2018 hingga hari ini, tiada masalah untuk penjawat awam berpegang teguh kepada prinsip mendukung kerajaan.

Pentadbiran kerajaan terus berjalan dengan lancar dan tiada masalah dalaman yang berlaku kerana setiap penjawat awam sentiasa berpegang teguh kepada prinsip profesionalisme dan neutralisasi yang tinggi dalam tugasannya masing-masing.

CUEPACS berharap segala dasar dan polisi yang diperkenalkan oleh kerajaan mampu dilaksanakan dengan berkesan oleh setiap penjawat awam di peringkat negeri dan persekutuan.

"Kejayaan dalam melaksanakan setiap dasar dan polisi sudah tentu menjadi pemangkin kepada pemulihan semula ekonomi negara yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19," katanya.